

UTHM sumbang RM3,786 kepada Tabung Gaza

BATU PAHAT – Sebanyak RM3,786 berjaya dikumpul warga Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dekat sini, untuk disumbang kepada Tabung Gaza, We Care!

Pengerusi kutipan tabung berkenaan, Nornizam Jamal berkata, sumbangan itu diserahkan kepada wakil Aqsa Syarif (Aqsa) UTHM, Prof Madya Dr Jiwa Abdullah.

Menurutnya, Aqsa Syarif adalah sebuah organisasi sukarelawan yang bernaung di bawah Pertubuhan Ikram Malaysia dan ditubuhkan bertujuan menyebarkan maklumat, menyalurkan bantuan kewangan, kemanusiaan serta menyumbang tenaga dan fikiran untuk kebaikan Palestin dan dunia secara amnya.

“Pelbagai program dan projek te-

lah, sedang serta akan dilaksanakan oleh Aqsa Syarif antaranya memberi bantuan kemanusiaan melalui penghantaran bekalan makanan, perubatan termasuk keperluan pendidikan.

“Aqsa Syarif berusaha mengumpul dana daripada rakyat dan pelbagai agensi awam serta swasta di Malaysia untuk disalurkan kepada rakyat di bumi Palestin termasuk di kem-kem sementara di luar negara.

“Kem berkenaan seperti di Beirut, Jordan dan Syria, berkemungkinan kekurangan bekalan makanan serta ubatan. Kami harap dengan bantuan yang disalurkan ini akan membantu meringankan beban mereka,” katanya kepada *Sinar Harian*, di sini, baru-baru ini.

Nornizam berkata, beberapa misi kini sedang giat dijalankan antaranya ‘AQSA2Gaza Emergency



Wang yang berjaya dikumpul oleh warga FPTV akan diserahkan kepada penduduk Palestin untuk meringankan beban mereka.

Releif-Selamatkan Kanak-kanak Gaza’ dan ‘Malaysian-Palestinian Village Industry (MyPVI).

Katanya, selain itu, terdapat juga ‘Projek Penajaan Keluarga Miskin dan Anak Yatim Palestin’ yang akan mem-

bantu mereka mendapat kehidupan lebih baik.

“Wang sumbangan ini berjaya dikumpul dalam masa dua minggu selepas pelancaran tabung dibuat dan saya cukup bangga dengan keprihatinan yang ditunjukkan warga FPTV ini.

“Justeru, saya mewakili pihak fakulti ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang diberikan oleh para pensyarah dan pelajar-pelajar. Semoga program ini dapat membantu saudara-saudara di Aqsa yang sangat memerlukan,” katanya.

Hadir sama, Dekan FPTV, Dr Razali Hasan dan Penolong Pengarah, Unit Penyelidikan Makro, Bahagian Pembangunan dan Pendidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia; Dr Roslee Ibrahim.